



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

277,663 METER PERSEGI RUANG HIJAU DIKUNCI UNTUK RAKYAT: 45 KAWASAN TAMBAHAN DIPERLINDUNG DI KUALA LUMPUR

15 APRIL 2026

1. Hari ini, saya mengumumkan usaha berterusan oleh Pasukan Petugas Khusus Pewartaan Kawasan Lapang dan Hijau di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan berhubung usaha pewartaan kawasan hijau dan kawasan lapang di Kuala Lumpur. Sebanyak 45 kawasan hijau dan lapang tambahan melibatkan keluasan 277,663.90 meter persegi telah berjaya diwartakan dan dikunci sebagai milik rakyat.
2. Keluasan ini bersamaan 27.76 hektar atau kira-kira 39 padang bola sepak, satu tambahan signifikan dalam memastikan warga kota terus mempunyai ruang hidup yang sihat, selamat dan seimbang.
3. Ini bermakna kawasan-kawasan ini tidak lagi boleh ditukar kepada tujuan lain secara sewenang-wenangnya dan akan kekal sebagai ruang awam untuk kegunaan komuniti, keluarga dan generasi akan datang.
4. Dalam keadaan bandar semakin padat dan tekanan pembangunan terus meningkat, Kerajaan MADANI memilih untuk melindungi, bukan mengorbankan ruang hijau yang menjadi hak rakyat.
5. Pada 5 Februari 2026, saya telah mengumumkan pewartaan sebanyak 494 kawasan hijau dan kawasan lapang. Hari ini, sebanyak 45 kawasan tambahan telah berjaya diwartakan, menjadikan jumlah keseluruhan kini sebanyak 539 kawasan.
6. Langkah ini selari dengan aspirasi untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah 'sponge city' yang lebih berdaya tahan terhadap banjir, lebih sejuk dan lebih seimbang dari segi pembangunan.
7. Usaha ini akan diteruskan secara konsisten dan segera. Lebih banyak kawasan sedang dikenal pasti dan pengumuman lanjut akan dibuat dari semasa ke semasa.
8. Orang awam boleh menyemak senarai penuh kawasan yang telah diwartakan melalui portal rasmi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan di pautan berikut: <https://www.ptgwp.gov.my/portal>

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

